



1. Dari segi bahasa ialah melepaskan atau membebaskan manakala dari segi istilah ialah melepaskan seseorang daripada kesalahan dan membebaskan daripada hukuman.
2. Firman Allah SWT, maksudnya: "laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasih orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik". (Surah ali-Imran, ayat 134)
3. (a) Rasulullah SAW sering mendoakan penduduk Taif agar diberikan petunjuk walaupun dakwah baginda sering ditolak oleh mereka.
(b) Baginda memaafkan Habbar walaupun beliau telah menyebabkan Sayidatina Zainab terjatuh dari unta sehingga keguguran.
4. (a) (i) Segera memohon maaf
 (ii) Mengakui kesilapan yang dilakukan tanpa mengemukakan sebarang alasan
 (iii) Ikhlas meminta maaf
(b) (i) Memaafkan kesalahan tanpa diminta
 (ii) Elakkan diri daripada bersifat dendam
 (iii) Ikhlas memberi kemaafan
5. Terhadap individu:
 - (a) Memberi ketenangan jiwa
 - (b) Disenangi oleh orang lain
 - (c) Menzahirkan keunggulan peribadi MuslimTerhadap masyarakat:
 - (a) Hidup dalam suasana harmoni
 - (b) Mengangkat imej umat Islam
 - (c) Menarik minat orang bukan Muslim mendalam Islam
6. Aktiviti murid

Praktis Masteri 23

Bahagian A

1. D 2. C

Bahagian E

1. (a) (i) Pemaaf
 (ii) ikhlas
 (iii) berdoa
 (iv) ketenangan
(b) Antara tindakan yang akan saya lakukan terhadap rakan baik saya adalah dengan memintanya menjelaskan tentang keperluannya untuk berbohong dengan saya. Kemudian, saya akan memaafkan kesalahannya itu dan memberi nasihat kepada dia agar tidak berbohong lagi. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap mudah memaafkan orang lain walaupun adakalanya kita berada di pihak yang benar supaya hidup sentiasa dirahmati Allah SWT.
(c) (i) Memberi ketenangan jiwa
 (ii) Mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT